

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberi kesan besar terhadap banyak aspek kehidupan manusia pada zaman moden ini.

Bagi umat Islam, kebimbangan berkenaan penularan penyakit berbahaya ini dan langkah-langkah untuk membendung penularan pandemik telah membataskan pelaksanaan ibadat termasuk haji dan umrah, solat berjemaah, sambutan hari kebesaran seperti Aidilfitri dan Aidiladha, majlis perkahwinan, ziarah jenazah, majlis tahlil dan kesyukuran, sambutan Maulid al-Rasul, dan sambutan Maal Hijrah.

Pada waktu yang sama, polisi pengurusan krisis seperti kawalan pergerakan dan kuarantin memberi kesan besar kepada pelbagai pihak termasuk industri, sehingga menyebabkan penutupan perniagaan. Syarikat dan individu telah mengambil peluang yang disediakan menerusi teknologi untuk membuat penyesuaian terhadap pekerjaan yang dilakukan berdasarkan perubahan suasana yang berlaku. Pendidikan dan pelancongan turut sama terjejas dengan pandemik ini.

Apakah polisi awam yang dilaksanakan untuk melindungi sumber pendapatan dan apakah inovasi yang dilakukan oleh industry untuk memastikan kerja dapat diteruskan? Dan bagaimanakah ini membantu, secara langsung atau tidak langsung, usaha negara menangani COVID-19? Bagaimanakah perkhidmatan awam dan sektor awam membuat penyesuaian atau melakukan inovasi untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan pelanggan?

Muzakarah Pakar “COVID-19: Respons Islam” ini dijalankan untuk mengutarakan persoalan-persoalan penting kepada pakar dalam usaha untuk membina gambaran menyeluruh tentang bagaimana pandemik ini telah memberi kesan kepada kita semua dan bagaimana jawapan-jawapan yang diberikan dapat membantu menggerakkan kita ke jalan yang betul.

OBJEKTIF

1. Untuk mencari kaedah, cara dan langkah dalam bidang tadbir urus melalui sains dan teknologi.
2. Untuk memberikan kefahaman terhadap tanggungjawab agama terhadap pemeliharaan lima unsur utama dalam Maqasid Syariah dalam konteks pandemik COVID-19.
3. Untuk menyerlahkan perspektif agama dan etika dalam mengawal dan mengurangkan kesan sosial dan ekonomi pandemik.
4. Untuk mendapatkan pandangan terhadap cabaran semasa yang dihadapi dalam pendidikan, dan bagaimana digitalisasi melalui kelas dan perjumpaan dalam talian membuka ruang kepada inovasi dalam pedagogi.
5. Untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan pandemik COVID-19 dalam usaha memberikan penyelesaian yang membina dan lestari kepada masalah yang dikenal pasti.